

Kompetensi Profesional Guru Pendidikan Islam Dalam Pengajaran Tilawah Al-Quran Bagi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) Pendengaran (*Professional Competency of Islamic Education Teachers in Teaching Quranic Recitation to Students with Hearing Impairments*)

Syar Meeze Mohd Rashid

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Nurnisa Raihana Mohd Jamil

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Pengajaran tilawah al-Quran merupakan elemen penting dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) subjek Pendidikan Islam di sekolah-sekolah seluruh Malaysia, termasuk sekolah yang menawarkan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) bagi murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) pendengaran. Namun begitu, kajian lepas mendapati wujud pelbagai isu dalam pengajaran tilawah al-Quran kepada MBPK pendengaran, antaranya pencapaian murid yang rendah serta kekangan kemahiran guru dalam menyampaikan pengajaran secara berkesan. Kajian ini bertujuan untuk meneroka pelaksanaan pengajaran tilawah al-Quran kepada MBPK pendengaran berdasarkan kompetensi guru Pendidikan Islam yang merangkumi aspek amalan pengajaran semasa, pengetahuan, kemahiran dan sikap. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kes dengan kaedah temu bual separa berstruktur. Seramai lima orang guru Pendidikan Islam yang mengajar MBPK pendengaran dipilih secara persampelan bertujuan sebagai peserta kajian. Data dianalisis secara deskriptif melalui proses pengkodan dan pengkategorian tema. Hasil kajian menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam memiliki tahap kompetensi yang memadai dalam pengajaran tilawah al-Quran kepada MBPK pendengaran dan berupaya memberi impak terhadap pemahaman serta penguasaan isi pengajaran dalam kalangan murid. Kajian ini mencadangkan agar latihan berterusan diberikan kepada guru bagi memperkukuh pengetahuan dan kemahiran pengajaran, di samping penyediaan bahan bantu mengajar yang lebih sesuai dengan keperluan MBPK. Implikasi kajian turut menyarankan agar kurikulum Pendidikan Islam bagi MBPK pendengaran dikaji semula supaya lebih mesra keperluan murid dan responsif terhadap realiti pengajaran sebenar.

Kata kunci: Kompetensi, Guru Pendidikan Islam, Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Pendengaran.

Abstract

The teaching of Quranic recitation is a vital component of the teaching and learning process in Islamic Education subjects across schools in Malaysia, including those offering the Special Education Integration Program (PPKI) for students with special educational needs (SEN), specifically those with hearing impairments. However, previous studies have identified various issues in teaching Quranic recitation to hearing-impaired students, such as low student achievement and limited teacher skills in delivering effective instruction. This study aims to explore the implementation of Quranic recitation teaching for hearing-impaired SEN students based on the competency of Islamic Education teachers, encompassing aspects of current teaching practices, knowledge, skills, and attitudes. This study employed a qualitative case study design using semi-structured interview methods. A total of five Islamic Education teachers who teach hearing-impaired students were selected as participants through purposive sampling. The data were analysed descriptively through coding and thematic categorisation. The findings revealed that Islamic Education teachers possess a sufficient level of competency in teaching Quranic recitation to hearing-impaired students and are capable of positively impacting students' understanding and mastery of the lesson content. The study recommends that continuous professional development be provided to teachers to strengthen their knowledge and teaching skills, alongside the development of more suitable teaching aids tailored to the needs of hearing-impaired students. The study also suggests that the Islamic Education curriculum for hearing-impaired SEN students be reviewed to ensure it is more learner-friendly and responsive to the actual teaching context.

Keywords: Competency, Islamic Education Teachers, Hearing Impaired Students

Article Progress

Received: 24 April 2025

Revised: 06 May 2025

Accepted: 20 May 2025

1. PENGENALAN

Dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), Pendidikan Islam merupakan mata pelajaran teras yang wajib diajarkan kepada semua murid beragama Islam di institusi pendidikan yang mempunyai sekurang-kurangnya lima orang murid beragama Islam. Mata pelajaran ini merangkumi enam bidang utama, iaitu Tilawah al-Quran, Akidah, Ibadah, Sirah, Adab dan Jawi. Kurikulum yang sama turut diterapkan kepada murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) pendengaran, sejajar dengan prinsip pendidikan inklusif dan hak kesamarataan dalam akses ilmu agama.

Komponen Tilawah al-Quran merupakan salah satu aspek penting dalam pendidikan Islam kerana komponen ini berperanan membentuk sahsiah, nilai akhlak dan jati diri Muslim yang seimbang. Namun begitu, pelaksanaan pengajaran Tilawah al-Quran dalam kalangan MBPK pendengaran menghadapi pelbagai cabaran. Kesukaran dalam aspek pendengaran dan pertuturan menyukarkan mereka untuk mendengar, menyebut, dan membaca ayat al-Quran dengan tepat (Muhammad Sayuti et al., 2020). Hal ini seterusnya menuntut pendekatan pengajaran yang lebih khusus, terancang dan responsif terhadap keperluan mereka.

Aspek pengajaran Tilawah al-Quran menitikberatkan beberapa kemahiran utama seperti membaca dengan betul, memahami makna ayat, menghafaz dan mengaplikasikan hukum tajwid. Maka, guru Pendidikan Islam perlu memiliki kompetensi yang tinggi dari segi pengetahuan, kemahiran pedagogi dan sikap profesional bagi memastikan proses pengajaran dapat dilaksanakan dengan berkesan. Hal ini juga selari dengan cabaran profesion keguruan masa kini yang memerlukan usaha berterusan serta komitmen tinggi daripada guru. Kajian oleh Norzi Mohd Yusoff et. al., (2020) turut menegaskan bahawa kualiti dan kompetensi guru memainkan peranan penting dalam menentukan tahap keberkesanan pendidikan.

Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan mengenalpasti kompetensi guru Pendidikan Islam dalam pengajaran Tilawah al-Quran kepada MBPK pendengaran dengan harapan dapat menyumbang ke arah peningkatan kualiti pendidikan khas serta memperkukuh elemen inklusiviti dalam pendidikan Islam.

2. OBJEKTIF KAJIAN

1. Menenalpasti amalan pengajaran guru Pendidikan Islam dalam pengajaran tilawah al-Quran terhadap murid berkeperluan khas (MBPK) Pendengaran.
2. Menenalpasti pengetahuan guru Pendidikan Islam dalam pengajaran tilawah al-Quran terhadap murid berkeperluan khas (MBPK) Pendengaran.
3. Menenalpasti kemahiran guru Pendidikan Islam terhadap pengajaran tilawah al-Quran terhadap murid berkeperluan khas (MBPK) Pendengaran.
4. Menenalpasti penilaian guru Pendidikan Islam terhadap pengajaran tilawah al-Quran terhadap murid berkeperluan khas (MBPK) Pendengaran.

3. PERSOALAN KAJIAN

1. Apakah amalan pengajaran guru Pendidikan Islam dalam pengajaran tilawah al-Quran terhadap murid berkeperluan khas (MBPK) Pendengaran?
2. Apakah pengetahuan guru Pendidikan Islam dalam pengajaran tilawah al-Quran terhadap murid berkeperluan khas (MBPK) Pendengaran?
3. Apakah kemahiran guru Pendidikan Islam terhadap pengajaran tilawah al-Quran terhadap murid berkeperluan khas (MBPK) Pendengaran?

4. Apakah penilaian guru Pendidikan Islam terhadap pengajaran tilawah al-Quran terhadap murid berkeperluan khas (MBPK) Pendengaran?

4. PENYATAAN MASALAH

Tilawah al-Quran merupakan salah satu komponen penting dalam sukatan mata pelajaran Pendidikan Islam yang merangkumi bidang Asuhan Tilawah al-Quran. Sukatan ini turut diguna pakai dalam pengajaran kepada murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) di Sekolah Pendidikan Khas (SPK) dan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Namun begitu, pelaksanaan pengajaran tilawah al-Quran dalam kalangan MBPK bermasalah pendengaran sering berdepan pelbagai cabaran. Antara isu utama yang dikenal pasti ialah tahap penguasaan tilawah al-Quran dalam kalangan murid yang masih rendah. Hal ini disokong oleh dapatan kajian Sayu Che Omar et al., (2015) yang mendapati beberapa masalah dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) al-Quran seperti pelajar mudah hilang tumpuan, lemah daya ingatan serta gagal membaca al-Quran. Tambahan pula, pelajar pekak turut mempunyai persepsi awal bahawa mereka tidak mampu membaca al-Quran.

Kekangan utama bagi MBPK bermasalah pendengaran dalam memahami dan mempelajari pendidikan Islam, khususnya pengajian al-Quran, adalah kerana proses ini memerlukan kemahiran menyebut, membaca, menulis dan memahami teks al-Quran yang menuntut keupayaan yang tinggi dalam aspek pertuturan dan pendengaran. Oleh yang demikian, PdP al-Quran kepada MBPK pendengaran memerlukan kaedah, pendekatan dan teknik yang bersesuaian dengan tahap kemampuan mereka (Muhammad Sayuti, 2022). Guru perlu mempunyai komitmen yang tinggi serta menguasai pengetahuan isi kandungan mata pelajaran dan kefahaman tentang keperluan pelajar bermasalah pendengaran (Hamdi Ishak et al., 2012).

Namun, beberapa kajian terdahulu menunjukkan bahawa antara punca utama cabaran ini ialah kekurangan kemahiran dalam kalangan guru yang mengajar MBPK pendengaran. Kajian oleh Bahariah (2021) menyatakan bahawa kebanyakan guru Pendidikan Islam yang mengajar bidang tilawah kepada MBPK dilantik daripada kalangan guru arus perdana yang tidak menerima latihan khusus dalam pendidikan khas. Keadaan ini menyukarkan mereka untuk melaksanakan pengajaran secara berkesan mengikut keperluan murid. Dapatan kajian Hamdi Ishak (2010) pula menunjukkan bahawa meskipun guru Pendidikan Islam menunjukkan minat dan dedikasi tinggi dalam menjalankan tugas, kelemahan dari aspek pedagogi masih ketara. Hal ini kerana pelaksanaan PdP dilakukan mengikut pengetahuan sedia ada tanpa pendekatan khas yang disesuaikan dengan murid pendidikan khas. Tambahan pula, kandungan buku teks Pendidikan Islam dilihat menggunakan bahasa yang terlalu tinggi dan tidak mesra pengguna bagi MBPK pendengaran, seperti dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah yang lebih menekankan tafsiran ayat al-Quran berbanding penyampaian isi secara langsung (Zaid Abd Samat, 2020).

Selain itu, komunikasi yang efektif turut menjadi isu utama. MBPK pendengaran mempunyai tahap kehilangan pendengaran yang pelbagai, dan mereka sukar berkomunikasi dengan baik (Izuli Dzulkifli et al., 2020). Namun begitu, masih ramai guru tidak menguasai Kod Tangan Pendidikan Islam dan Kod Tangan Quran Isyarat, yang menyebabkan pengajaran menjadi lebih mencabar (Azarul Razamin Mat Said et al., 2023). Kajian yang sama juga menunjukkan bahawa guru tidak dapat memberi tumpuan sepenuhnya dalam mengajar kerana lebih fokus menghabiskan sukatan pelajaran demi persediaan peperiksaan.

Oleh itu, kemahiran dan pengetahuan guru sangat penting dalam melaksanakan PdP khususnya kepada MBPK pendengaran. Justeru, kajian ini dijalankan untuk meneliti tahap kompetensi guru Pendidikan Islam dalam pengajaran tilawah al-Quran kepada MBPK pendengaran. Kajian ini menumpukan kepada tiga komponen utama kompetensi iaitu pengetahuan, kemahiran dan sikap profesional guru. Diharapkan dapatan kajian ini dapat membantu memperkukuh amalan pengajaran

guru agar lebih berkesan, seterusnya meningkatkan kualiti PdP tilawah al-Quran kepada MBPK pendengaran.

5. METODOLOGI KAJIAN

5.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes dengan pendekatan kualitatif. Kajian kes yang dijalankan bertujuan meneliti kompetensi guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) khususnya dalam bidang tilawah al-Quran kepada murid berkeperluan pendidikan khas pendengaran (MBPK). Pendekatan kualitatif dipilih kerana membolehkan penyelidik mengumpul data secara terperinci dan mendalam daripada pelbagai sumber maklumat yang relevan. Pendekatan ini juga amat bersesuaian dengan objektif kajian yang ingin memahami secara menyeluruh kesediaan guru daripada aspek amalan pengajaran, pandangan dan kemahiran mereka dalam melaksanakan PdP tilawah al-Quran kepada MBPK pendengaran.

5.2 Populasi dan Persampelan

Populasi kajian ini terdiri daripada guru-guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam. Populasi merujuk kepada kumpulan besar individu yang menjadi subjek kajian dan memiliki ciri-ciri tertentu yang dikaji. Sampel pula merupakan sebahagian individu daripada populasi yang dipilih untuk mewakili keseluruhan populasi bagi tujuan pengumpulan data. Dalam kajian ini, seramai lima orang guru Pendidikan Islam telah dipilih sebagai peserta kajian. Pemilihan ini selaras dengan pandangan Chua (2014) yang menyatakan bahawa tiada bilangan sampel minimum ditetapkan dalam kajian kes, asalkan jumlah tersebut mencukupi untuk menjawab persoalan kajian secara mendalam.

Kaedah persampelan bertujuan telah digunakan iaitu pemilihan sampel berdasarkan kriteria tertentu yang ditetapkan oleh penyelidik. Pemilihan ini dibuat secara sengaja bagi memastikan peserta memiliki ciri-ciri yang relevan dengan fokus kajian. Kriteria pemilihan peserta adalah seperti berikut:

1. Guru bersetuju menyertai kajian secara sukarela.
2. Mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam.
3. Mempunyai pengalaman mengajar sekurang-kurangnya satu tahun.
4. Terlibat dalam pengajaran bidang tilawah al-Quran.
5. Mengajar murid berkeperluan pendidikan khas pendengaran (MBPK Pendengaran).

5.3 Instrumen Kajian

Kaedah utama pengumpulan data dalam kajian ini ialah melalui temu bual separa berstruktur. Satu set protokol soalan temu bual telah dibangunkan oleh penyelidik berdasarkan rujukan terhadap kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan topik kajian ini. Soalan temu bual telah disesuaikan dengan objektif kajian agar dapat menggali maklumat secara komprehensif daripada peserta kajian. Kaedah ini membolehkan penyelidik memperoleh data yang bersifat naratif dan mendalam bagi memahami fenomena kajian secara holistik.

6. DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini mengenal pasti amalan pengajaran, pengetahuan serta kemahiran guru dalam melaksanakan pengajaran tilawah al-Quran kepada MBPK pendengaran, sebagaimana yang diperoleh melalui transkrip temu bual.

Tema 1: Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam dalam Tilawah al-Quran kepada MBPK Pendengaran

Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam mempunyai tahap amalan yang tinggi dalam pengajaran tilawah al-Quran kepada murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) pendengaran. Amalan ini meliputi persediaan rapi sebelum sesi pengajaran, pelaksanaan pengajaran secara sistematik, serta penyesuaian pendekatan berdasarkan keperluan dan tahap keupayaan murid. Guru turut mengambil kira aspek emosi, komunikasi dan keberkesanan bahan bantu mengajar (BBM) yang digunakan.

Sebagaimana yang dinyatakan oleh responden A1:

“...kita akan print out dahulu semua bahan pengajaran untuk latihan surah yang kita ada. Dan setiap hari, kita dah ada KPI yang kita nak capai.” (A1)

Responden A3 pula menekankan kepentingan perancangan pengajaran yang menyeluruh:

“Saya akan pastikan haritu nak ajar apa, murid mana yang kita nak target untuk capai objektif. Saya akan study dulu tentang surah yang saya nak ajar. Kemudian, saya akan pastikan keperluan pengajaran cukup. Saya juga akan pastikan line okay jika kelas online.” (A3)

Manakala A5 pula memberikan perhatian terhadap kemahiran komunikasi dan pendekatan mesra murid:

“Kami akan bersedia dalam kemahiran berbahasa isyarat. Lepastu BBM kami akan sediakan sebelum mula pengajaran. Saya akan beramah mesra, kenali sikap dan attitude dia.” (A5)

Guru-guru yang ditemu bual dilihat mampu merancang dan bersedia dari sudut mental, emosi dan fizikal dalam melaksanakan PdPc bersama MBPK pendengaran. Penemuan ini selari dengan dapatan Hariatul Hafidzah (2021) yang menegaskan bahawa keberkesanan PdPc banyak bergantung kepada tahap persediaan awal guru. Dahlan Pamuda et. al., (2023) turut menyokong pandangan ini dengan menekankan bahawa perancangan rapi adalah kunci kepada keberkesanan pengajaran. Dalam konteks MBPK pendengaran, Izuli Dzulkifli (2020) pula menyarankan agar guru mengenal pasti tahap kehilangan pendengaran murid terlebih dahulu bagi menentukan kaedah komunikasi dan pendekatan pengajaran yang paling sesuai.

Walaupun perbincangan utama berkisar kepada amalan pengajaran, dapatan kajian turut mengenal pasti dua subtema penting yang menunjukkan usaha guru mempertingkatkan kualiti pengajaran tilawah al-Quran kepada MBPK pendengaran. Subtema-subtema tersebut merangkumi (i) kesedaran guru terhadap kepentingan tilawah al-Quran, dan (ii) kesediaan guru untuk meningkatkan kompetensi profesional.

Subtema 1.1: Kesedaran Guru terhadap Kepentingan Tilawah al-Quran kepada MBPK Pendengaran

Guru Pendidikan Islam yang ditemu bual menunjukkan kesedaran yang tinggi terhadap kewajipan menyampaikan ilmu al-Quran kepada semua murid, termasuk golongan MBPK pendengaran. Mereka percaya bahawa al-Quran bukan sekadar bacaan ritual tetapi asas kepada kefahaman agama dan identiti Muslim. Justeru, mereka tidak meminggirkan golongan ini daripada pengajaran yang bersifat fardu 'ain.

Kenyataan guru yang menyokong perkara ini termasuklah:

"...belajar al-Quran bagi mereka lebih kenal Islam." (A1)

"...tilawah al-Quran ni penting, penting untuk bacaan dalam solat. Salah bacaan, tak sah solat." (A2)

"...Kita tak boleh nak kecualikan sedikit pun hatta orang tu ada kekurangan sekalipun... siapa nak semak bacaan dia kalau takda orang pekak yang tahu juga tentang al-Quran." (A3)

"OKU pendengaran ni dia bukan maksum, dia juga mempunyai rasa berbuat dosa. Jadi... mereka perlu mempunyai panduan... Dari al-Quran." (A4)

Kesedaran ini sangat signifikan kerana ia menjadi pemangkin kepada kesungguhan guru dalam merancang dan melaksanakan pengajaran yang bermakna. Hal ini disokong oleh kajian Ahmad et. al., (2015) yang menegaskan bahawa individu yang mengalami kecacatan pendengaran tetap tergolong dalam kalangan *mukallaf* dan tertakluk kepada hukum-hukum syarak. Syed (2022) pula menekankan bahawa ibadat tidak gugur terhadap mereka, dan justeru itu, hak mereka untuk menerima pendidikan agama mestilah dipelihara oleh guru dan institusi pendidikan.

Subtema 1.2: Kesediaan Guru Meningkatkan Kompetensi dan Profesionalisme

Selain kesedaran terhadap tanggungjawab agama, dapatan turut menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam mengambil inisiatif berterusan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka melalui pelbagai saluran. Guru mengikuti kursus tajwid, seminar pendidikan khas, membaca bahan ilmiah serta berinteraksi secara langsung dengan komuniti orang pekak bagi memahami keperluan sebenar murid.

Antara kenyataan guru yang menggambarkan usaha ini ialah:

"...ustaz ada juga sertai seminar-seminar lain kerana ilmu mengajar ni luas, dan perlukan penerokaan yang luas." (A1)

"Saya ada sertai kursus belajar untuk betulkan tajwid. Saya buat research sendiri tentang pembelajaran al-Quran ni." (A2)

"Saya minta feedback dengan murid-murid dan saya ada jemput juga secara fizikal OKU pendengaran yang boleh mengajar, tengok style dia mengajar macam mana." (A3)

"Saya bergaul dengan orang pekak untuk tahu apa isu yang berlaku dalam kalangan mereka... saya pergi ke kelas-kelas agama untuk tingkatkan kemahiran komunikasi bahasa isyarat." (A4)

"Dari awal lagi saya memang banyak join program, kursus seminar berkaitan orang pekak, OKU ni." (A5)

Kesediaan guru untuk terus belajar dan meningkatkan kemahiran seiring perkembangan pendidikan khas adalah manifestasi daripada prinsip pembelajaran sepanjang hayat. Hal ini seiring dengan dapatan Razila et al. (2019) yang menekankan keperluan pendidik untuk menguasai ilmu kandungan serta ilmu sokongan dalam pengajaran. Azarul et al. (2023) pula menegaskan bahawa program pembangunan profesionalisme yang berkesan dapat meningkatkan kompetensi guru serta

memberi kesan langsung terhadap keberkesanan PdPc. Baharin Ab. Rahman (2021) turut menggesa agar guru Pendidikan Khas diberikan latihan berterusan untuk mengaplikasikan pendekatan pedagogi yang inklusif dan mesra MBPK.

Sehubungan itu, penyediaan peluang latihan berstruktur dan berkala kepada guru perlu diperkukuh, sejajar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (2011) yang menyokong pembangunan kompetensi guru berasaskan pembelajaran sepanjang hayat demi menjamin kualiti pendidikan inklusif di Malaysia.

Tema 2: Pengetahuan Guru Pendidikan Islam terhadap Pengajaran Tilawah al-Quran kepada MBPK Pendengaran

Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi dalam pengajaran tilawah al-Quran kepada murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) pendengaran. Pengetahuan ini merangkumi penguasaan terhadap kandungan kurikulum, kefahaman pedagogi tilawah, dan keupayaan menyesuaikan pendekatan pengajaran berdasarkan keperluan individu murid. Menurut Norfariza et al. (2018), kompetensi pengetahuan guru dalam pelaksanaan pengajaran merupakan faktor utama yang menentukan keberkesanan proses PdPc, terutamanya apabila melibatkan kandungan agama seperti tilawah al-Quran. Komponen ini juga dapat dinilai melalui kefahaman guru terhadap kurikulum semasa dan keupayaan mengaplikasikan pengetahuan tersebut secara praktikal dalam bilik darjah.

Subtema 2.1: Kefahaman Guru terhadap Kurikulum Tilawah al-Quran

Analisis temu bual mendapati bahawa guru Pendidikan Islam mempunyai kefahaman yang baik terhadap kurikulum tilawah al-Quran dan menyedari bahawa keberkesanan pengajaran sangat bergantung pada cara penyampaian, bukan sekadar kandungan semata-mata.

“Kurikulum yang kita pakai dan sedia ada sekarang sesuai, cumanya kaedah penyampaianlah yang membezakan kesesuaiannya.” (A3)

“...kurikulum itu sendiri sebenarnya dah cantik, cuma dari sudut penyampaian, kaedah, teknik dan strategi itu sebenarnya yang perlu dirombak dan disusun semula.” (A4)

Kenyataan ini menggambarkan kesedaran guru bahawa kurikulum yang tersedia telah lengkap dari segi kandungan, namun keberkesanan pengajaran akan banyak bergantung pada kreativiti dan kompetensi guru dalam merancang penyampaian. Hal ini sejajar dengan pandangan Hamdi Ishak et. al., (2012) dan Dahlan Pemuda et. al., (2023) yang menyatakan bahawa penguasaan kurikulum termasuklah keupayaan merancang aktiviti PdPc, memilih bahan bantu mengajar yang bersesuaian serta menyesuaikan pengajaran dengan tahap perkembangan murid. Kajian Rashid et al. (2024) pula menyokong bahawa kurikulum seharusnya diolah mengikut potensi dan kemampuan murid, justeru, pemilihan kaedah oleh guru memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan pembelajaran.

Subtema 2.2: Kepelbagaian Kaedah dan Strategi Mengikut Keperluan MBPK Pendengaran

Selain menguasai kandungan kurikulum, guru juga menunjukkan kefahaman dalam memilih pendekatan pengajaran yang pelbagai dan bersesuaian dengan tahap kebolehan serta gaya pembelajaran MBPK pendengaran.

“...pelbagaikan lagi kaedah ikut kemampuan murid bagi memudahkan proses penyampaian tu. Kita variasikan pendekatan kita agar sesuai dengan murid dan mencapai objektif pembelajaran.” (A2)

“...pentingnya tahu kaedah ni adalah supaya apa yang kita nak sampaikan tu sampai, dia lebih ngam dengan keperluan OKU itu sendiri, supaya nanti kita nak mengajar tu dia lebih lancar, lebih sampai, lebih senang untuk kita sampaikan kepada MBPK pendengaran.” (A3)

Dapatan ini selari dengan kajian Anuar et al. (2015) yang menyatakan bahawa penggunaan strategi dan kaedah pengajaran yang sesuai dapat meningkatkan kefahaman murid serta mengelakkan kebosanan semasa PdPc. Guru yang berkemahiran tinggi akan mampu menyesuaikan teknik pengajaran mengikut konteks murid, sekaligus memastikan objektif pembelajaran tercapai. Norhasnira (2017) turut menekankan bahawa guru dalam bidang Pendidikan Khas harus memiliki kemahiran mengajar yang fleksibel dan adaptif kerana mereka berhadapan dengan pelbagai latar belakang murid dan cabaran unik. Oleh itu, kreativiti guru dalam memilih kaedah pengajaran merupakan elemen penting bagi memastikan isi pengajaran dapat disampaikan secara berkesan dan inklusif kepada MBPK pendengaran.

Tema 3: Kemahiran Guru dalam Menggunakan Bahan Bantu Mengajar (BBM) semasa Pengajaran Tilawah al-Quran kepada MBPK Pendengaran

Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam mempunyai tahap kemahiran yang tinggi dalam penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) semasa pengajaran tilawah al-Quran kepada murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) pendengaran. Kesemua responden kajian mempelbagaikan penggunaan BBM dengan mengambil kira tahap keupayaan murid, kesesuaian tajuk pembelajaran serta objektif pengajaran yang ingin dicapai. Guru turut mempertimbangkan sama ada murid tergolong dalam kategori *high functioning*, *low functioning* atau *non-verbal* dalam pemilihan BBM yang sesuai.

*“Untuk tilawah, kita gunakan BBM kaedah Tilawah Asyraf dan Tahfiz Akhyar. Kalau mengajar murid *high functioning*, kita gunakan Iqra’ macam biasa. Tapi kalau yang *low functioning* atau *non-verbal*, kita gunakan kaedah inilah, bahan bantu mengajar pecahan kalimah atau pecahan ayat.” (A1)*

Guru A2 pula menjelaskan secara terperinci pendekatan BBM yang digunakan secara bertingkat mengikut keupayaan pemahaman murid, termasuk penggunaan *Kod Tangan Quran* dan *Kaedah Tikram*:

“Kita guna Kaedah Tahfiz Akhyar dan Tilawah Asyraf. Penggunaan BBM ini juga kita tengok kepada perkembangan murid. Kalau murid lagi faham pecahan kalimah, dia akan teruskan dengan pecahan kalimah, tapi andai kata dia masih baharu, kita mula dengan pecahan ayat dahulu. Kita juga mempraktikkan Kod Tangan Quran. Kaedah Tikram pula, murid akan dengar satu surah dan buat penandaan. Lepas habis dengar surah, dia akan tanda. Lepas tu dia ulang balik... proses berulang sampai habis.” (A2)

Penggunaan aplikasi digital seperti *Quran Isyarat*, video serta pembelajaran berasaskan potongan ayat turut dimanfaatkan oleh guru:

“...Selain daripada kod tangan Quran isyarat itu sendiri, kita gunakan Quran sebagai BBM. Quran tu sendiri ada ciri-ciri yang kita nak. Kita juga gunakan potongan-potongan ayat. Contoh bismillahirrahmanirrahim, kita akan minta OKU pendengaran untuk asingkan bismi, Allah, rahim. PowerPoint dan video dalam aplikasi Quran Isyarat pun kita ada guna.” (A3)

Pendekatan berbentuk visual dan kinestetik juga digunakan oleh guru melalui teknik *Visual-Gestural Communication* (VGC) yang melibatkan gerak tubuh, ekspresi wajah dan intonasi suara:

“Saya guna VGC. VGC ni sebenarnya menggunakan diri saya, badan saya, tangan saya. Ia merangkumi lakonan, body language, ekspresi muka dan intonasi. Saya juga menggunakan aplikasi Quran Isyarat dalam pengajaran tilawah al-Quran. Yang ketiga, BBM saya berteraskan teknologi maklumat macam PowerPoint, yang berbentuk gambar, video, visual, animasi.” (A4)

Guru A5 pula menunjukkan kreativiti dalam menggabungkan penggunaan BBM digital dan kaedah pembelajaran berasaskan permainan:

“...kita guna LCD, komputer riba, gambar-gambar, bahan maujud. Penggunaan LCD pun kita pentingkan sebab banyak benda kita boleh buat, tayang video, tayang kuiz. Kita juga gunakan kaedah Tahfiz Akhyar, susunan kalimah al-Quran. Kita selalu terapkan kaedah belajar sambil bermain. Contoh nak ajar huruf hijaiyyah, kita buat game mereka susun dari alif sampai ya guna puzzle ke.” (A5)

Dapatan ini menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam bukan sahaja mahir dalam kandungan pengajaran, malah mampu mengintegrasikan pelbagai bentuk BBM dengan berkesan bagi meningkatkan kefahaman dan penglibatan MBPK pendengaran dalam sesi PdPc. Pendekatan visual, kinestetik dan teknologi digunakan secara bersepadu untuk merangsang pembelajaran dan menjadikan pengajaran tilawah lebih menarik serta mudah difaham (Zaiha Nabila 2019 & Zaid Abd Samat et. al., 2020). Hal ini menepati keperluan pengajaran berpusatkan murid dalam konteks pendidikan khas yang memerlukan pengubahsuaian kaedah serta sumber agar sesuai dengan tahap dan gaya pembelajaran murid.

Tema 4: Pelaksanaan Penilaian dalam Pengajaran Tilawah al-Quran kepada MBPK Pendengaran

Penilaian merupakan salah satu komponen penting dalam kemahiran pedagogi guru. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam mempunyai keupayaan melaksanakan penilaian terhadap murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) pendengaran semasa pengajaran tilawah al-Quran. Penilaian ini dilaksanakan secara berkala dan bertujuan untuk mengenal pasti tahap kefahaman serta pencapaian murid terhadap kandungan pembelajaran. Pelbagai pendekatan pentaksiran digunakan, termasuklah pentaksiran secara lisan, penulisan, pemerhatian serta aktiviti praktikal.

“Penilaian berpandukan kepada kaedah Tahfiz Akhyar dan Tilawah Asyraf. Kita akan tengok sama ada murid boleh buat atau tidak, bila dah dapat buat sendiri, di situlah kita kata murid dah capai penilaian yang kita nak.” (A1)

“Untuk murid low functioning, kita uji murid menggunakan kaedah susunan kalimah. Kita minta murid susun tanpa melihat. Kalau murid dapat lakukan dengan susunan yang betul, kita anggap dia sudah tahu kedudukan kalimah itu. Untuk murid high functioning, kita gunakan kaedah bacaan.” (A2)

“Saya gunakan pentaksiran lisan iaitu soal jawab. Kita tanya balik apa yang telah dipelajari, kita minta pelajar bacakan semula ayat-ayat yang telah dipelajari. Kita juga jalankan pentaksiran bertulis melalui soalan dan kita nilai kefahaman berdasarkan jawapan mereka.” (A3)

“Saya ada buat juga temu bual. Maksudnya kita tanya mereka secara langsung – faham tak maksud ayat itu, tahu tak apa maksudnya... Kita juga pernah jalankan pembentangan untuk menilai sejauh mana pelajar faham isi pengajaran.” (A4)

Pelaksanaan penilaian ini bukan sahaja mengukur tahap penguasaan murid, malah berperanan sebagai maklum balas penting kepada guru bagi menambah baik strategi PdPc serta merancang aktiviti pembelajaran yang lebih efektif. Hal ini selaras dengan kajian oleh Lee et. al., (2021) yang menyatakan bahawa penilaian yang dilakukan semasa PdPc membantu memperkukuh pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dan menjamin keselarasan dengan objektif pembelajaran. Manakala menurut Dahlan Pamuda et al. (2023), penilaian memberi refleksi kepada guru terhadap keberkesanan pengajaran dan menjadi asas perancangan seterusnya. Penilaian yang berkesan juga membolehkan guru menyesuaikan strategi pengajaran berdasarkan kekuatan dan kelemahan murid (Hanis et. al., 2024).

Justeru, kemahiran dalam melaksanakan penilaian merupakan elemen utama dalam Standard Guru Malaysia (SGM) yang perlu dikuasai oleh setiap guru, terutamanya dalam konteks pengajaran kepada murid berkeperluan khas. Dalam konteks ini, turut dikenal pasti satu subtema penting iaitu kepelbagaian bahan bantu mengajar (BBM) yang digunakan oleh guru sebagai pelengkap kepada proses pentaksiran dan pengajaran.

Subtema 4.1: Kepelbagaian Bahan Bantu Mengajar (BBM) dalam Pengajaran Tilawah al-Quran

Selain kemahiran menilai, guru Pendidikan Islam juga menunjukkan kemahiran yang tinggi dalam penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) yang pelbagai dan bersesuaian dengan tahap keupayaan MBPK pendengaran. Pemilihan BBM dilakukan berdasarkan tahap kognitif murid, objektif pembelajaran, serta sifat interaktif bahan tersebut.

“Kita gunakan BBM kaedah Tilawah Asyraf dan Tahfiz Akhyar. Kalau mengajar murid high functioning, kita gunakan Iqra’ macam biasa. Tapi kalau low functioning atau non-verbal, kita gunakan BBM yang lebih khusus.” (A1)

“Kita juga mempraktikkan Kod Tangan Quran. Kaedah Tikram pula, murid akan dengar satu surah dan buat penandaan. Lepas habis dengar surah dia akan tanda, kemudian ulang balik.” (A2)

“Kita gunakan potongan-potongan ayat. Contohnya Bismillahirrahmanirrahim, kita minta pelajar asingkan bismi, Allah, rahim. PowerPoint dan video daripada aplikasi Quran Isyarat pun kita gunakan.” (A3)

“Saya guna VGC. Ia menggunakan badan saya, tangan, ekspresi muka dan intonasi. Saya juga guna aplikasi Quran Isyarat serta BBM berbentuk PowerPoint, gambar, video, visual dan animasi.” (A4)

“Kita guna LCD, komputer riba, gambar, bahan maujud. LCD penting sebab kita boleh tayang video, kuiz. Kita juga gunakan susunan kalimah al-Quran, serta kaedah belajar sambil bermain — contohnya untuk huruf hijaiyyah, kita buat permainan susun huruf dari alif sampai ya guna puzzle.” (A5)

Dapatan menunjukkan bahawa guru mengaplikasikan BBM berbentuk visual, auditif, kinestetik dan digital dalam sesi PdPc. Antara BBM yang digunakan termasuklah Kaedah Tahfiz Akhyar, Tilawah Asyraf, Kod Tangan Quran, Quran Isyarat, Visual Gestural Communication (VGC), bahan maujud dan teknologi interaktif.

Kajian Zaid Ab Samat (2021) membuktikan bahawa kaedah Tahfiz Akhyar memberi kesan positif terhadap prestasi hafazan dalam kalangan MBPK pendengaran. Namun begitu, penggunaan BBM perlu bersifat fleksibel dan bersesuaian dengan tahap murid kerana pengajaran kepada MBPK pendengaran bersifat “cuba jaya”. Sekiranya satu kaedah tidak memberi kesan, guru perlu segera

beralih kepada pendekatan lain yang lebih sesuai. Dapatan ini disokong oleh Norfishah (2016) yang menegaskan bahawa guru perlu mempunyai pengetahuan mendalam terhadap pemilihan BBM yang sesuai kerana penggunaan bahan yang tidak sesuai ibarat “mencurahkan air ke daun keladi”.

7. KESIMPULAN

Tuntasnya, dapatan kajian ini memperlihatkan bahawa guru Pendidikan Islam memiliki tahap kompetensi yang tinggi dalam pengajaran tilawah al-Quran kepada murid berkeperluan pendidikan khas pendengaran (MBPK pendengaran). Kompetensi ini merangkumi amalan pengajaran yang terancang, pengetahuan kandungan dan pedagogi yang mantap, kemahiran penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) yang pelbagai serta keupayaan melaksanakan pentaksiran yang berkesan.

Amalan pengajaran guru yang berpaksikan persediaan rapi, keprihatinan terhadap keperluan murid dan kesediaan menyesuaikan strategi, menjadi asas penting dalam menjayakan sesi PdPc yang inklusif. Tahap pengetahuan guru yang tinggi terhadap kurikulum dan pendekatan pedagogi pula membolehkan pengajaran dilaksanakan secara berfokus dan responsif. Dalam masa yang sama, kemahiran guru menggunakan BBM seperti kaedah Tahfiz Akhyar, Tilawah Asyraf, Kod Tangan Quran dan teknologi digital membuktikan daya usaha mereka dalam menyampaikan isi pembelajaran secara kreatif dan berkesan. Keupayaan guru melaksanakan pelbagai bentuk pentaksiran turut menunjukkan komitmen terhadap penambahbaikan berterusan dalam mencapai objektif pengajaran.

Keseluruhan kompetensi ini menjadi pemacu utama dalam melahirkan murid berkeperluan khas yang berilmu, berdaya saing dan mampu menyumbang kepada masyarakat dan negara. Hal ini juga sejajar dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang menekankan pembentukan insan seimbang melalui pendidikan yang holistik dan inklusif. Guru sebagai agen perubahan dan pelaksana dasar pendidikan perlu sentiasa berusaha mempertingkatkan ilmu, kemahiran, sikap dan motivasi dalam melaksanakan tanggungjawab mereka.

Justeru, disiplin profesional dan kecekapan guru dalam bidang ini amat dituntut untuk menjamin kecemerlangan pendidikan khas. Kualiti pendidikan yang dilaksanakan oleh guru menjadi kayu ukur kepada keberhasilan sistem pendidikan itu sendiri, khususnya dalam memperkasakan bidang Pendidikan Islam kepada golongan MBPK pendengaran secara adil dan berkesan.

8. PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan diucapkan kepada Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Yayasan Pendidikan al-Quran bagi Anak Istimewa (Yayasan FAQEH) atas kerjasama, sokongan dan sumbangan sepanjang pelaksanaan kajian ini.

RUJUKAN

Ahmad, & Nelson Jinggan. (2015). Pengaruh kompetensi kemahiran guru dalam pengajaran terhadap pencapaian akademik pelajar dalam mata pelajaran sejarah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 3(2).

Anis Shahirah Zulkifli, & Suziyani Mohamed. (2019). Tahap pengetahuan guru dalam mengurus tingkah laku murid berkeperluan khas (MBK). *Jurnal Wacana Sarjana*, 3(4).

Azarul Razamin Mat Said, Mustafa Che Omar, Najmiah Omar, & Mohd Allnurulhuda Ghazali. (2023). Meningkatkan pembangunan profesional dan kompetensi guru Kementerian Pendidikan

- Malaysia: Satu analisis kritis. *Global Journal of Educational Research and Management (GERMANE)*, 3(1), 62–70.
- Bahariah Ab. Rahman. (2021). Amalan pengajaran guru Pendidikan Islam bidang Tilawah al-Quran Program Pendidikan Khas Integrasi (ketidakupayaan pendengaran) [Tesis sarjana, Universiti Pendidikan Sultan Idris].
- Chua, Y. P. (2014). Kaedah dan statistik penyelidikan: Asas statistik penyelidikan (Buku 2, Edisi Ketiga). McGraw-Hill Education.
- Dahlan Pamuda, & Muhammad Sofwan. (2023). Kompetensi guru Matematik dalam pengajaran topik pecahan sekolah rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(1), 123–140.
- Hamdi Ishak, Ab. Halim Tamuri, Rosadah Abdul Majid, & Safani Bari. (2012). Amalan pengajaran guru dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (masalah pendengaran). *Journal of Islamic and Arabic Education*, 4(2), 11–24.
- Hanis Shariff, S. Q., & Khairuddin, K. F. (2024). Meneroka amalan guru prasekolah pendidikan khas tentang kesediaan sekolah murid berkeperluan pendidikan khas (prasekolah) ke program pendidikan inklusif tahun 1. *Quran Sunnah Education & Special Needs*, 8(2).
- Hay/McBer. (1996). *Scaled competency dictionary*. Hay/McBer.
- Izuli Dzulkifli. (2020). Pelaksanaan pengajaran Tilawah al-Quran bagi murid berkeperluan khas kurang upaya pendengaran di sekolah kebangsaan [Tesis sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Izuli Dzulkifli, Asmawati Suhid, Fathiyah Fakhrudin, & Aniza Ahmad. (2020). Cabaran komunikasi dalam pengajaran Pendidikan Islam kepada murid kurang upaya pendengaran. *International Journal of Islamic Thought*, 18.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2011). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas: Pendidikan Islam Masalah Pendengaran Tahun Dua*. Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Lee, T. A., bin Mahayuddin, Z., Yuan, O. S., Mooi, O. Y., & Teng, N. L. (2021). Pengalaman pembimbing instruksional dan guru dalam proses bimbingan instruksional pentaksiran bilik darjah di sebuah sekolah rendah. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 18(2), 60–73.
- Muhammad Sayuti Sabdan, Norlidah Alias, Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff, & Nazean Jomhari. (2020). Keperluan pembangunan modul pedagogi Surah al-Fatihah dan tiga Qul berasaskan teknologi untuk pelajar pekak di kolej vokasional. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 8(2), 13–26.
- Muhammad Sayuti Sabdan, Norlidah Alias, Zulkifli Mohd Yusoff, & Nazean Jomhari. (2022). Pengajaran dan pembelajaran al-Quran terhadap pelajar pekak di kolej vokasional. *Jurnal Isu Dalam Pendidikan*, 44.
- Norfariza Radzi, & Nur Fadhillah. (2018). Tahap kompetensi guru dalam pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi di Sekolah Kebangsaan Daerah Sepang, Selangor. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 6(4).

- Norhasnira Ibrahim. (2017). Kemahiran pedagogi bagi guru Pendidikan Islam (Pendidikan Khas) dalam pengajaran al-Quran Braille. Seameo Regional Centre for Special Education Needs, 2, 488–498.
- Norlidah Alias, Norli Siraj, Nazri Abd. Rahman, & Dorothy Dewitt. (2013). Homeschooling in Malaysia: The implications for teacher services. *Malaysian Online Journal of Educational Management (MOJEM)*, 1(2), 10–18.
- Norzi Mohd Yusoff, Khadijah Razak, & Adnan Derahman. (2022). Kompetensi guru Muslim berdasarkan Surah ar-Rahman ayat 1 hingga 4. *Journal of Quran Sunnah Education*.
- Rashid, S. M. M., & Srafi, N. S. (2024). Cabaran golongan pekak dalam mempelajari Tilawah dengan menggunakan Kod Tangan Quran: The challenges faced by the deaf in learning Quranic recitation using Quran hand sign code. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 8(1), 91–101.
- Razila Kasmin, Mohd Faiz Baharan, Noraizan Mohsin, Norliza Kila, & Mashita Abu Hassan. (2019). Amalan kualiti guru dalam kalangan guru Pendidikan Islam di sekolah kebangsaan. *Journal of Management and Operation Research*, 1(4).
- Sayu Che Omar, Nik Hassan Bin Seman, Abdullah Yusoff, & Abdul Hakim Abdullah. (2015, Oktober 10–11). Kesukaran mengajar dan belajar al-Quran dalam kalangan pelajar pekak: Isu dan cabaran guru Pendidikan Islam. Kertas kerja dibentangkan dalam International Seminar on al-Quran in Contemporary Society, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu.
- Syed Jaafar Syed Ali. (2014). Kompetensi guru dalam pengajaran amali teknologi pembinaan di kolej vokasional [Tesis sarjana yang tidak diterbitkan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia].
- Zaid Abd Samat, & Rosadah Abd Majid. (2020). Implikasi kaedah Tahfiz Akhyar terhadap pembelajaran dan pengajaran Surah al-Fatihah kepada murid pekak. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 4(2).
- Zaiha Nabila Md Harun. (2019). Kompetensi guru dalam pengajaran amali reka bentuk dan teknologi di sekolah rendah Daerah Batu Pahat [Tesis sarjana yang tidak diterbitkan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia].

Syar Meeze Mohd Rashid (Corresponding author)
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600, Bangi Selangor, MALAYSIA
Email: cikgumeeze@ukm.edu.my

Nurnisa Raihana Mohd Jamil
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600, Bangi Selangor, MALAYSIA
Email: nisaraihana00@gmail.com